

Bergegas ke pasar raya sejak awal pagi



PENDUDUK ke pasar raya di Gua Musang untuk membeli barang keperluan. FOTO Ramli Ibrahim

Ramli Ibrahim

am@hmetro.com.my

ORANG ramai menyerbu ke sebuah pasar raya di Gua Musang, hari ini untuk membeli barang keperluan harian, termasuk mereka yang datang dari kampung pedalaman selepas arahan perintah kawalan pergerakan akibat penularan Covid-19 bermula esok.

Seorang penduduk dari Kampung Kuala Betis, Esah Abdullah, 42, berkata, dia terpaksa bergegas keluar ke bandar ini sejak awal pagi lagi.

Katanya, bukan dia sahaja yang bergegas ke pasar raya terbabit tetapi juga penduduk kampung lain.

"Kita terkejut juga apabila menerima maklum arahan perintah kawalan pergerakan akibat penularan Covid-19 seluruh negara," katanya ketika ditemui di Gua Musang, hari ini.

Menurut seorang lagi penduduk, Fauzi Mamat, 51, dari Kampung Lapan Jaya, pembelian barang keperluan itu dianggap pembelian biasa sahaja.

Katanya, ia secara kebetulan arahan perintah kawalan pergerakan dan perlu juga bagi penduduk berjauhan dengan bandar menyimpan barang mencukupi.

"Kita akur dengan arahan itu dan kita juga bimbang penyakit berjangkit Covid-19 semakin menular di seluruh negara dan terpaksa kuarantin di rumah," katanya.

Malam tadi, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan mulai esok 18 hingga 31 Mac 2020 di seluruh negara.

Perintah kawalan selama 14 hari itu mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Muhyiddin turut memberi jaminan bahawa tiada keperluan untuk melakukan pembelian panik kerana bekalan makanan adalah mencukupi dan boleh didapati pada setiap masa.

"Malam ini (semalam) kita akan turut membincangkan isu ini, tetapi secara jujur, janganlah terlalu risau. Bekalan makanan mencukupi untuk semua orang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Tindakan Ekonomi pertama di Putrajaya, semalam.

"Kami telah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan bahawa bekalan makanan yang penting adalah mencukupi serta boleh didapati pada setiap masa," katanya lagi.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 17 Mac 2020 @ 1:05 PM

